

BIHARAH  
28/2/18  
M/LC

## Polis serbu 'makmal' dadah

**Shah Alam:** Sekumpulan sembilan suspek, termasuk seorang wanita warga tua di-kesan menjadikan sebuah rumah teres dua tingkat sebagai tempat operasi makmal dadah, di Setia Alam di sini, sejak enam bulan lalu.

Rumah yang dikawal pengawal keselamatan diserbu sepasukan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman dengan kerjasama anggota Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Shah Alam, pada jam 12 tengah hari, Khamis lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Noor Azam Jamaludin, berkata sindiket dipercayai menyewa rumah itu dengan bayaran RM1,500 sejak enam bulan lalu dan menjadikan sebuah bilik di tingkat atas sebagai makmal haram memproses dadah.

### Nilai sitaan RM183,300

Menurutnya, antara barang yang dirampas termasuk 6.9 kilogram (kg) dadah dipercayai heroin, 0.75kg heroin 'base,' 1.25kg dadah dipercayai ganja serta pelbagai lagi alat memproses dadah.

"Lapan suspek lelaki berusia 19 hingga 47 tahun dan seorang wanita berusia 65 tahun, yang juga ibu kepada seorang daripada suspek ditahan untuk siasatan lanjut.

"Sebahagian daripada suspek bekerja sebagai pengawal keselamatan dan ada juga antara mereka yang tidak bekerja," katanya di IPD Shah Alam di sini, semalam.